

WANITA DAN PEKERJAAN: SATU ANALISIS KONFLIK PERANAN*

FATIMAH ABDULLAH



SYNOPSIS

Social and economic changes in this country have caused a diversification of roles among women. Owing to their involvement in the public sphere, women not only occupy statuses as mothers and wives but also as professionals in their respective fields. As a result of this, working women find it difficult to meet the demands and role expectations of the given statuses. They adjust to the new situation by adopting certain strategies and in so doing reduce the role conflict that most of them experience.

SINOPSIS

Perubahan sosial dan ekonomi telah memperluaskan peranan kaum wanita dari menjadi isteri dan ibu kepada pekerja. Perluasan peranan itu amat sukar untuk dipenuhi dengan serta merta, serentak dan mengikut apa yang dijangkakan oleh masyarakat. Akibatnya mereka terpaksa menggunakan strategi-strategi tertentu untuk mengurangkan konflik tersebut agar dapat mereka laksanakan setiap peranan yang ditentukan dengan sempurna.

PENGENALAN

Proses-industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, lebih ramai kaum wanita yang mula bekerja di luar rumah pada umur yang masih muda lagi. Jelas di sini bahawa peluang-peluang pekerjaan yang baru itu telah memindahkan wanita dari ruang domestik ke ruang awam "public" di mana mereka memegang berbagai profesion di dalam sektor-sektor industri, pentadbiran dan perdagangan.

Perubahan-perubahan yang dialami oleh kaum wanita ini tidaklah pula mengurang atau mengubah peranan serta tanggungjawab mereka dalam bidang domestik. Apabila berkahwin, wanita dijangkakan dapat mengendalikan urusan rumahtangga dan menjaga anak. Wanita yang sudah berkahwin dan yang bekerja di luar rumah mendapati diri mereka ter-

*Sebahagian besar daripada data dan perbincangan dalam artikel ini adalah didasarkan kepada tesis sarjana sastera penulis yang berjudul *Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982/83.

Penulis ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Dr. Rohany Nasir dan Dr. Sharifah Zaleha Hassan yang telah sudi membaca dan memberi pandangan terhadap draf awal artikel ini.

paksa menggabungkan peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru sebagai pekerja.

Peranan di dalam bidang domestik dan awam ini lazimnya "demanding" dan memerlukan tenaga, masa dan perhatian. Besar kemungkinan wanita yang bergiat di dalam kedua-dua bidang ini mengalami konflik peranan memandangkan yang status dan peranan mereka di dalam ruang domestik dan awam ini dihalakan untuk mencapai matlamat-matlamat yang berbeza. Sepertimana yang sedia maklum, di dalam keluarga, seorang wanita yang telah berkahwin diharapkan dapat menjaga dan mendidik anak-anak di samping menjadi teman kepada suaminya. Seorang anak perempuan pula diharap dapat menyumbangkan tenaga menolong ibunya di dapur dan mengasuh adik beradiknya yang kecil. Juga di dalam keluarga, seorang wanita dianggap sentiasa "tunduk" kepada lelaki tidak kira sama ada lelaki itu bapanya, suaminya ataupun saudara lelakinya. Pekerjaan di luar rumah sebaliknya, telah mencemukan kaum wanita dengan orang-orang lain dan meletakkannya di dalam satu set jangkaan yang agak berlainan daripada yang dialaminya di ruang domestik. Umpamanya, sebagai seorang pekerja, wanita perlu menunjukkan potensi yang sama dengan lelaki, boleh berdikari, bersikap tegas bila membuat sesuatu keputusan, mudah bergerak dan lain-lain lagi.

Memandangkan yang kaum wanita kini mendapati diri mereka bergolok di dalam sistem jangkaan yang berbeza akibat daripada penglibatan mereka di dalam lapangan-lapangan domestik dan awam, artikel ini cuba membicarakan dua fenomena yang berhubung rapat dengan pengalaman-pengalaman kaum wanita yang bekerja. Pertama, konflik peranan yang mereka alami, sekiranya ada; dan kedua cara bagaimana mereka mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat daripada konflik peranan tersebut.

LATARBELAKANG KAJIAN

Analisis dan perbincangan di dalam artikel ini didasarkan kepada penemuan satu kajian yang telah dilakukan pada tahun 1980 mengenai wanita Melayu profesional yang telah berkahwin dan tinggal di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Wanita tersebut berjumlah 100 orang kesemuanya, datang dari sepuluh kumpulan profesion (lihat Jadual 1) dan berada dalam lingkungan umur 25 hingga 44 tahun.

Kesemua wanita yang dikaji adalah lulusan universiti tempatan dan luar negeri, di mana 44 peratus daripada mereka mempunyai ijazah pertama 20 peratus memiliki ijazah pertama dan diploma lanjutan, 28 peratus ijazah sarjana dan 8 peratus lagi mempunyai ijazah doktor falsafah (lihat Jadual 2).

Selain dari itu, wanita yang dikaji mempunyai pengalaman kerja yang berbeza di mana 36 peratus telah bekerja di antara satu hingga tiga tahun, 47 peratus telah bekerja di antara tiga hingga sepuluh tahun sementara 17 peratus lagi telah bekerja lebih dari 10 tahun.

JADUAL 1. Sampel Rambang Berstratifikasi Wanita Melayu Profesional

| Profesion | Bilangan |
|---|----------|
| Ahli sains fizik | 2 |
| Ahli sains hayat | 9 |
| Akauntan/Pegawai kewangan | 7 |
| Doktor perubatan | 2 |
| Juruanalisa sistem-pengurusan/perangkawan | 6 |
| Jurutera | 5 |
| Pegawai tadbir | 25 |
| Peguam | 1 |
| Pensyarah | 30 |
| Pegawai arkib dan pustakawan | 13 |
| Jumlah | 100 |

JADUAL 2. Taraf Pendidikan Responden

| Pendidikan yang Dicapai | Bilangan |
|-----------------------------------|----------|
| Sarjana muda | 44 |
| Sarjana muda dan diploma lanjutan | 20 |
| Sarjana | 28 |
| Foktor falsafah | 8 |
| Jumlah | 100 |

Responden-responden juga sudah dan kekal berkahwin dan 30 peratus daripada mereka baharu satu hingga tiga tahun mendirikan rumahtangga, 29 peratus daripada mereka pula telah berkahwin selama empat hingga enam tahun, 26 peratus telah berkahwin selama tujuh hingga sembilan tahun dan 15 peratus telah berkahwin lebih dari 10 tahun. Didapati juga 87 peratus daripada responden mempunyai bilangan anak di antara satu hingga empat orang dan 13 peratus lagi tidak atau masih belum mempunyai anak (lihat Jadual 3).

Sebahagian besar dari wanita yang dikaji berasal dari luarbandar. Pendidikan bukan sahaja menyebabkan mereka berpindah ke bandar tetapi juga membolehkan mereka mencapai mobiliti sosial menegak. Pengalaman wanita ini berbeza dari ibu mereka yang tidak mem-

JADUAL 3. Taburan Bilangan Anak Responden

| Bilangan Anak | Jumlah |
|------------------------|--------|
| Tiada anak | 13 |
| 1 orang | 13 |
| 2 orang | 21 |
| 3 orang | 26 |
| 4 orang | 7 |
| Lebih daripada 4 orang | 0 |
| Jumlah | 100 |

punyai pendidikan “tertiary”. Berdasarkan keterangan yang diperolehi didapati bahawa 35 peratus ibu wanita yang dikaji tidak pernah bersekolah, sementara yang lain hanya mendapat pendidikan sekolah rendah sahaja. Hanya 15 peratus wanita yang dikaji mengakui mempunyai ibu yang bekerja sebagai guru sekolah rendah dan kerani.

KONSEP-KONSEP PERANAN, “ROLE STRAIN” DAN KONFLIK PERANAN

Konsep peranan dan status seringkali digunakan bersama-sama oleh kerana hubungan yang rapat di antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa peranan dan status itu mempunyai pengertian yang sama. Linton mendefinisikan peranan sebagai berikut;

“A role represents the dynamic aspect of a status. An individual is socially assigned to a status and occupies it in relation to other statuses. When he puts the rights and duties which constitute the status into effect, he is performing a role. Role and status are quite inseparable ... There are no roles without statuses or statuses without roles ... Every individual has a series of roles deriving from the various patterns which represent the sum total of these roles and determine what he does for his society and what he can expect from it” (1936: 114).

Tegasnya di dalam setiap masyarakat, seseorang individu lazimnya menduduki beberapa status tertentu. Setiap status yang didudukinya itu ada peranan yang ia mesti laksanakan. Gabungan semua peranannya pula menentukan kedudukan individu tersebut di dalam masyarakatnya. Peranan seseorang itu terjelma dalam bentuk hak dan tanggungjawab yang menghubungkannya dengan individu-individu lain di dalam kelompok yang dianggotainya. Sewaktu membicarakan konsep peranan atau “role”, Levinson (1972) berkata bahawa peranan mengandungi tiga elemen. Elemen-elemen tersebut ialah pertama, segala peraturan masyarakat, termasuk norma sosial, jangkaan-jangkaan, sistem larangan, tanggungjawab, tekanan-tekanan dan peluang-peluang yang merupakan panduan bagi seseorang individu. Elemen kedua ialah konsepsi peranan orang yang memegang

peranan itu sendiri dan yang timbul dari kesedarannya tentang apa yang ia harus lakukan. Elemen ketiga ialah "role behaviour" iaitu tingkahlaku seseorang individu selaras dengan peranan dan peraturan yang telah sedia ada dalam masyarakat (Levinson dalam Hall 1972).

Berdasarkan pemerhatian Levinson, jelas bahawa peranan sosial ditentukan dengan khusus bagaimana dan bila sesuatu harus dilakukan. Peranan sosial seseorang wanita pula dilihat dari segi tanggungjawab dan jangkaan yang wanita itu sendiri fikir ia harus lakukan secocok dengan jangkaan masyarakat. Dalam konteks kajian ini, pelaku adalah wanita profesional yang sudah berkahwin dan pada dasarnya mempunyai beberapa status di dalam masyarakat iaitu sebagai anak perempuan, isteri, ibu dan pekerja. Setiap status yang diduduki oleh wanita itu pula membabitkan satu siri jangkaan dari orang-orang tertentu yang berhubung dengannya sama ada sebagai ibu bapa, suami, anak-anak, majikan dan rakan-rakan sekerjanya.

Seperti yang diketahui umum, ada jangkamasa tertentu bagi seseorang wanita memainkan peranannya yang berbeza-beza. Seorang wanita memainkan peranan sebagai pekerja selama lebih kurang lapan jam sehari iaitu dari jam lapan pagi sehingga empat petang sahaja. Sebaliknya beliau perlu memegang peranan sebagai seorang ibu sepanjang hari. Oleh kerana aturan sosial cuba memastikan obligasi peranan yang konsisten, maka seorang wanita yang berjaya ialah wanita yang dapat memainkan semua peranan yang dijangkakan darinya. Begitu tinggi harapan masyarakat terhadap seseorang wanita sehingga jika wanita itu merasakan dia gagal memenuhi obligasi-obligasi tersebut, maka besar kemungkinan wanita berkenaan akan mengalami "role strain" akibat dari konflik peranan.

"Role strain" mengikut Goode ialah, "the felt difficulty in fulfilling the role obligation" (1960: 483). Seseorang individu dijangka mengalami "role strain" apabila ia merasai sukar untuk melaksanakan semua peranan yang sepatutnya. Goode juga melihat "role strain" sebagai urutan dari "role bargains", dan merupakan satu proses pemilihan dari pelbagai "role behaviour". Proses pemilihan ini berlaku sebagai satu cara untuk mengurangkan "role strain" yang dialami oleh seseorang individu.

Dalam institusi famili, wanita lazimnya akan berusaha untuk melaksanakan peranan-peranannya sebagai isteri dan ibu bagi mempertahankan integrasi dan perlanjutan famili. Ada di antara wanita-wanita yang bekerja yang tidak dapat memainkan peranan-peranan ini dengan baik. Besar kemungkinan mereka menghadapi "strain" atau gangguan psikologi, mental dan emosi apabila mereka cuba menggabungkan peranan-peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru mereka sebagai pekerja.

Goode (1960: 483) dalam analisisnya mengenai "role strain" telah mengenalpasti empat sebab mengapa berlakunya fenomena tersebut. Pertama "demand" untuk sesuatu peranan diperlukan pada masa tertentu, tetapi peranan itu mungkin tidak dapat dipenuhi dengan automatik. Kedua, oleh kerana setiap individu biasanya mengambil bahagian dalam hubungan

peranan yang berlainan dan mempunyai obligasi-obligasi yang berbeza, maka pelaksanaan sesuatu peranan mungkin berkonflik dari segi masa, tempat dan sumber dengan peranan yang lain. Tegasnya, obligasi-obligasi peranan itu mungkin menimbulkan konflik dari segi alokasi masa, tempat dan sumber-sumber. Ketiga, umumnya setiap hubungan peranan memerlukan beberapa aktiviti tindakbalas yang tidak semestinya sama dan keempat, mengikut pemahaman pelaku, kebanyakan hubungan peranan adalah “role-sets”. Jika seseorang dapat memenuhi obligasi-obligasi dari satu peranan, dia mungkin tidak dapat memenuhi peranan yang satu lagi. Jadi, “role strain” merupakan suatu yang lazim dialami oleh seseorang individu kerana sangatlah sukar baginya untuk memenuhi kesemua peranan dan kerana rata-rata obligasi tiap-tiap peranan yang perlu dimainkannya itu adalah terlalu “demanding”.

Mengenai konsep konflik peranan “role conflict”, pula, Thomas dan Biddle mengatakan bahawa konflik peranan timbul akibat daripada,

“... inconsistent prescriptions (or standards) held for a person by himself or by one or many others, ... the attributions of inconsistent prescriptions or standard to others, applicable to oneself (and the), feeling of unease resulting from the existence of prescriptions (or standards) (1962: 12).

Ringkasnya, konflik peranan lahir akibat daripada jangkaan yang “incompatible.” Seseorang individu akan berasa dirinya berhadapan dengan kehendak-kehendak atau tuntutan-tuntutan yang bukan sahaja tidak secocok di antara satu dengan lain tetapi juga tidak dapat dipenuhi dengan sempurna atau secara realistik. Satu perkara yang perlu disedari ialah setiap hubungan akan melibatkan sekurang-kurangnya dua individu. Setiap pihak mempunyai satu set jangkaan yang mempengaruhi tingkahlaku pihak yang satu lagi. Konflik pasti akan timbul apabila kedua-dua pihak yang mempunyai peranan masing-masing bukan sahaja mempunyai jangkaan-jangkaan yang bertentangan tetapi juga masing-masing pihak tidak mahu menerima lawannya.

Dalam soal ini, pemerhatian Vander Zanden (1979: 127) berhubung dengan sumber konflik peranan amat relevan. Mengikut Vander Zanden, jangkaan yang bertentangan timbul apabila pertama, peranan yang dijangkakan dari seseorang individu itu tidak secocok dengan ciri peribadi yang ada padanya. Kedua, seseorang individu akan menghadapi jangkaan yang berkonflik kerana memegang dua atau lebih peranan. Ketiga, hubungan seseorang individu dengan orang-orang lain dalam “role set” juga memungkinkan jangkaan yang berkonflik. Keempat, konflik mungkin timbul kerana percanggahan definisi tentang peranan yang sepatutnya dimainkan, dan kelima konflik timbul kerana kurangnya konsensus di antara pelbagai peranan.

Hall (1972) pula menegaskan bahawa konflik peranan yang dihadapi oleh wanita yang sudah berumahtangga ialah konflik yang timbul dari pelbagai peranan dan bukannya konflik jangkaan dalam peranan tertentu.

tu. Mengikuti beliau, seorang wanita yang bekerja mengalami konflik peranan apabila dia berusaha atau cuba memenuhi kehendak dan tanggungjawabnya terhadap majikan dan pada masa yang sama, juga mendapati dirinya diperlukan oleh suami dan anak-anaknya. Seterusnya, konflik di antara peranan dikaitkan juga dengan soal peranan yang sarat "role overload" dan persaingan dari segi masa (yang secara kebetulan merupakan sumber yang terhad). Ibu-ibu yang bekerja sebenarnya bukanlah menjadi satu halangan kepada anak-anak mereka. Masalah mereka ialah semasa di tempat kerja, wanita-wanita ini juga diperlukan oleh anak-anak mereka. Oleh kerana itu wanita-wanita yang bekerja, sudah berkahwin dan mempunyai anak menghadapi masalah pelbagai peranan dan konflik akibat daripada peranan yang sarat.

Sungguhpun kaum lelaki juga memegang pelbagai peranan yakni sebagai suami, bapa, pekerja dan sebagainya tetapi setengah daripada peranan itu dilakukan pada masa-masa tertentu sahaja. Apa lagi kalau masyarakat amnya telah mengakui yang kaum lelaki adalah pencari nafkah dan selain dari itu, juga mengiktiraf yang mereka perlu mencari kerja di luar rumah. Oleh kerana itu kaum lelaki tidak menghadapi banyak konflik sebagaimana yang dihadapi oleh kaum wanita. Killian (1952) berpendapat bahawa konflik yang dihadapi oleh seorang lelaki tidak nyata ataupun bersifat "latent". Ini kerana kaum lelaki lazimnya melaksanakan peranan mereka satu demi satu (dari Hall 1972). Masalah timbul jika seseorang lelaki itu mendapati dirinya diperlukan serta merta oleh famili dan pekerjaannya pada masa yang sama.

WANITA MELAYU DAN PERUBAHAN PERANAN

Masyarakat Melayu tradisional telah menentukan bahawa tempat wanita adalah dalam lingkungan keluarga dan rumahtangga di mana mereka dijangka memegang status tradisional sebagai isteri, anak perempuan, adik atau kakak. Apabila dewasa dan berkahwin mereka menduduki status sebagai isteri dan ibu. Di dalam masyarakat Melayu, setiap anak gadis diharap akan bertemu jodoh masing-masing dan kemudiannya mendirikan rumahtangga. Pola-pola sosialisasi di kalangan orang-orang Melayu telah sedikit sebanyak menyediakan anak-anak gadis untuk memainkan peranan mereka sebagai isteri dan ibu. Swift (1965: 107) ada menyebut bahawa anak-anak gadis terikat dengan aktiviti-aktiviti dalam rumah. Mereka diajar membantu ibu mereka membuat kerja-kerja domestik. Wilson (1967: 130) juga menerangkan bahawa pada umur yang masih muda, anak-anak gadis mula diberi tugas kecil dalam rumahtangga, khususnya menjaga adik-adik yang kecil. Malah, Abu Hassan (1972: 35) pernah menunjukkan bahawa seorang perempuan Melayu tidak akan dipandang tinggi jika ia tidak pandai menguruskan rumahtangga apabila ia sudah dewasa. Jadi tanggungjawab dan peranan wanita bermula dan berakhir di rumah dalam "capacity"nya mula-mula sebagai seorang anak, kemudian setelah berkahwin, sebagai isteri dan ibu.

Masyarakat Melayu juga menganggap wanita yang unggul ialah wanita yang lemah lembut, rendah diri, patuh, taat setia, sabar dan "committed" kepada rumahtangga. Wanita juga tidak perlu cerdik atau berilmu. Wanita yang bijak dianggap "luarbiasa". Wanita dimaafkan jikalau tidak tetap pendiriannya dan lambat membuat keputusan, kerana itu sudah menjadi kononnya tabiat semulajadi mereka. Di dalam masyarakat Melayu, lazimnya waita dipimpin dan bukan memimpin dan sedia mengorbankan kepentingan diri sendiri demi untuk kebahagiaan orang lain terutama suami dan anak-anak (Mazidah 1980). Sebaliknya seorang lelaki yang unggul ialah lelaki yang gagah, agresif, bertanggungjawab, berfikiran waras dan tidak dikawal oleh emosi. Kepada lelakilah diletakkan tanggungjawab bagi melindungi wanita, menjadi pemimpinnya menunjukajarnya dan membuat keputusan untuknya.

Pembahagian tugas dan tanggungjawab di antara lelaki dan wanita juga sangat jelas. Swift (1963: 277) menunjukkan yang wanita membuat kerja-kerja domestik, seperti memasak, menguruskan rumahtangga dan mengasuh anak. Wanita Melayu juga menyumbang tenaga di dalam bidang ekonomi melalui aktiviti-aktiviti seperti menanam sayur-sayuran dan padi serta membuat kerjatangan yang bukan berorintasikan pasaran Walaupun wanita-wanita Melayu menjalankan aktiviti ekonomi tetapi mereka tidak diharapkan mencari wang bagi membeli barang-barang keperluan keluarga kerana itu merupakan tanggungjawab lelaki. Malah para isteri tidak terlibat dalam aktiviti membeli barang-barang keperluan keluarga kerana aktiviti itu dikira mendedahkan wanita kepada khalayak ramai. Apalagi bila kuasa kewangan terletak di tangan suami.

Perkembangan dalam bidang pendidikan pada mulanya tidak begitu menarik perhatian ibubapa Melayu. Pada mulanya pendidikan formal dianggap sebagai sesuatu yang negatif oleh orang-orang Melayu. Roose (1963: 292) berkata bahawa kebanyakan ibubapa Melayu akan memberhentikan anak perempuan mereka dari sekolah selepas beberapa tahun belajar kerana takut anak perempuan mereka menjadi "anak dara tua" dan tidak berkemungkinan untuk mendapat suami yang baik. Walau bagaimanapun pandangan ini telah berubah sedikit demi sedikit apabila ibubapa Melayu khususnya keluarga bangsawan, mula menyedari pentingnya pendidikan untuk anak-anak perempuan. Gerhold (1971: 72) menyebut bahawa ini kerana pada anggapan mereka, seseorang anak perempuan yang terpelajar akan meningkatkan lagi mertabat bapa dan keluarganya memandangkan yang ia akan mendapat pasangan hidup dari golongan orang baik-baik (dalam Manderson 1980: 32).

Selain dari itu, urbanisasi, perkembangan pusat-pusat perindustrian perdagangan serta peluang-peluang pendidikan yang terbuka luas telah meninggalkan kesan pada pola pembahagian peranan mengikut jantina di kalangan orang-orang Melayu. Rumahtangga dan keluarga bukan lagi menjadi unit pengeluaran ekonomi yang penting. Akibat daripada perubahan-perubahan ini didapati bahawa wanita-wanita mula memasuki

bidang pekerjaan bukan tradisional apabila terbukanya peluang-peluang pekerjaan di luar rumah. Malah mereka telah menjadi sebahagian dari tenaga buruh yang diperlukan oleh negara. Oleh kerana pendapatan yang diterima oleh kaum lelaki pada umumnya agak rendah dan tidak mencukupi untuk menyara keluarga, maka isteri dan anak-anak mereka terpaksa turut sama bekerja mencari wang tambahan untuk keluarga. Walau bagaimanapun bidang pekerjaan yang diceburi oleh kaum wanita merupakan kerja-kerja yang tidak diingini oleh kaum lelaki kerana keadaan kerja yang menjemukan dan upah yang rendah.

Di Semenanjung Malaysia, proses urbanisasi, industrialisasi dan peluasan penggunaan jentera, khususnya selepas merdeka, telah membawa perkembangan dalam sektor ekonomi "secondary" dan tertiary". Sehubungan dengan itu juga, peluang-peluang pendidikan untuk kaum wanita juga semakin bertambah. Faktor-faktor ini telah mendorong ramai wanita yang tamat sekolah untuk mencari kerja. Akibatnya ialah tenagakerja wanita di sektor pertanian merosot dari 18.7 peratus pada tahun 1931 kepada 15 peratus dalam tahun 1947 dan 13.18 peratus dalam tahun 1957.

Sungguhpun bilangan wanita yang menceburkan diri dalam bidang pekerjaan di luar rumah semakin bertambah, tetapi gambaran yang didapati menunjukkan jenis-jenis kerja yang mereka lakukan adalah lanjutan atau "extension of" peranan-peranan tradisional mereka. Umpamanya di sektor perkhidmatan, wanita menjadi tukang jahit, pembuat pakaian, pembantu kedai dan restoran serta tukang masak. Dalam bidang profesional dan teknikal pula, ramai yang menjadi jururawat, bidan dan guru sekolah rendah. Cuma apa yang berbeza dari keadaan dahulu ialah kerja-kerja itu dilakukan di luar dari lingkungan rumahtangga dan keluarga. Selain dari itu wanita menerima upah atau gaji untuk kerja-kerja yang mereka lakukan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Boserup (1970), sehubungan dengan pembangunan ekonomi, peranan wanita dalam perkhidmatan domestik semakin bersifat komersial dan dengan berkembangnya sektor perkhidmatan akibat dari industrialisasi, bilangan wanita dalam perkhidmatan domestik semakin merosot.

Walaupun pekerjaan telah mengubah keadaan wanita di dalam masyarakat Melayu dalam ertikata bahawa mereka dapat berdikari dari segi ekonomi tetapi struktur formal di tempat kerja telah mengongkong mereka. Pekerja-pekerja wanita misalnya terpaksa mematuhi peraturan-peraturan kerja yang tertentu seperti berada di tempat bekerja pada masa yang ditetapkan, tidak boleh membawa anak bersama-sama, tidak boleh pulang ke rumah sesuka hati dan seumpamanya. Keadaan pekerjaan di sawah dan ladang tidak mempunyai peraturan-peraturan tentang masa bekerja dan seumpamanya. Selain dari itu, struktur pekerjaan juga tidak formal dan wanita boleh pergi kerja sesuka hati dan ada kala diiringi oleh anak-anaknya. Di dalam keadaan pekerjaan yang begitu, wanita boleh berhenti kerja untuk menyusu anak, merawat anak yang sakit atau

melakukan hal-hal lain. Mereka juga boleh menanggung kerja yang dibuat mengikut kehendak masing-masing.

Selain dari peraturan formal yang dikenakan di tempat kerja, pekerja wanita hari ini juga menghadapi masalah penjagaan anak. Ini kerana ramai wanita yang bekerja tinggal di bandar-bandar yang jauh dari kaum keluarga. Kalau dahulu, wanita yang bekerja boleh mengharapkan saudara mara untuk menjaga anak dan mengendalikan urusan rumahtangga, tetapi kini wanita yang bekerja dan tinggal di bandar menghadapi pemencilan sosial "social isolation". Mereka terpisah dari bentuk keselamatan dan penjagaan sosial yang memang sedia ada dalam keluarga desa dan boleh pula didapati semasa kecemasan (Strange 1981: 227). Pertolongan itu lazimnya diberikan oleh saudara mara, seperti nenek, adik beradik atau emak saudara. Wanita yang bekerja yang tinggal di bandar mendapati sukar untuk mendapat pertolongan dari saudara mara. Oleh yang demikian terpaksa mereka menggaji orang lain untuk mendapat perkhidmatan tersebut.

Pasangan yang tidak mempunyai pembantu rumah terpaksa mengharapkan pertolongan suami bila menguruskan rumahtangga. Mereka yang mempunyai anak-anak pra-sekolah pula terpaksa mencari perkhidmatan badan-badan tertentu seperti taman asuhan kanak-kanak atau taman didikan kanak-kanak untuk menjaga anak-anak mereka. Wanita (dan suami) yang bekerja juga terpaksa mengatur bentuk penjagaan anak selepas sekolah jika mereka mempunyai anak yang sedang bersekolah.


Kesimpulannya wanita yang bekerja secara formal tidak kira sama ada tinggal di bandar atau di desa, sedang berhadapan dengan beberapa tuntutan peranan yang sangat mencabar iaitu sebagai isteri, ibu dan pekerja. Wanita ini juga menghadapi konflik peranan dan sentiasa merasa bimbang tentang soal pembahagian masa yang cukup untuk anak-anak, suami dan urusan rumahtangga (Strange 1981: 229).

KONFLIK PERANAN DAN PENYESUAIAN

Model famili tradisional di mana sumai adalah pemberi nafkah dan isteri sebagai pengurus rumahtangga beransur runtuh walaupun tidak lenyap apabila semakin ramai wanita mengambil keputusan keluar dari lingkungan famili dan rumahtangga untuk bekerja. Setengah-setengah wanita keluar bekerja kerana desakan ekonomi (Sweet 1973; Spurier dan Reeves 1978; Wadhwa 1976). Ada pula yang bekerja kerana faktor-faktor psikologikal (Maslow 1951) seperti keinginan untuk menghindarkan dari "neurosis as a failure of personal growth" (Hall 1979), atau kerana ingin menyumbangkan bakat dan latihan yang ada (Fatimah 1982/3: 170).

Bagi kebanyakan wanita pelaksanaan dua peranan sekaligus, iaitu di tempat kerja dan dalam lingkungan rumahtangga adalah satu urusan yang serius dan menimbulkan tekanan dan ketegangan. Tekanan dan ketegangan yang merupakan sumber konflik pada wanita yang bekerja ialah kerana mereka dikenali dengan berbagai subidentiti (Kahn et. al., 1964).

Subidentiti-subidentiti yang lazimnya ada pada wanita yang bekerja dan sudah berkahwin ialah sebagai isteri, ibu, surirumah dan pekerja (Lihat Rajah 1). Sebagaimana yang dikemukakan oleh Kahn dan rakan-rakannya, konflik timbul kerana persaingan kehendak dari "role senders". Oleh kerana itu masalah peranan yang utama yang dihadapi oleh wanita ialah berpunca dari kepelbagaian peranan dan bukannya kerana konflik jangkaan dalam satu-satu peranan tertentu. Misalnya konflik yang dialami oleh wanita ialah di antara jangkaan dari majikan dan anaknya, di aman pekerjaan siibu mungkin mengganggu anaknya. Ibu mungkin berada di tempat kerja apabila sianak memerlukannya. Jadi konflik peranan yang dialami oleh kebanyakan pekerja wanita ialah kerana peranan yang sarat dan persaingan dari segi masa.



RAJAH 1. Model Hipotetikal Peranan Wanita yang Sudah Berkahwin.
Dipetik dari Hall 1972: 172

Dalam kebanyakan hal, wanita yang sudah berkahwin menghadapi lebih banyak konflik berbanding dengan suami mereka. Walaupun para suami mempunyai berbagai subidentiti iaitu sebagai suami, bapa dan pemberi nafkah, mereka tidak menghadapi konflik yang serius sebagaimana yang dihadapi oleh seorang isteri. Ini kerana seorang lelaki memainkan

setiap peranan-peranannya secara berasingan dan pada masa yang berbeda (Killian 1952). Kinzer (1979) pula menyebut bahawa keadaan demikian berpunca dari sikap masyarakat dan proses sosialisasi yang mempengaruhi pembahagian tugas mengikut jantina. Misalnya semasa kecil anak-anak perempuan dibesarkan agar dapat mengembangkan potensi yang ada melalui pengurusan rumahtangga. Sebaliknya anak lelaki dibesarkan dengan harapan agar ia dapat memperkembangkan potensinya melalui pekerjaan bukan melalui urusan rumahtangga. Tekanan dan sosialisasi meningkat bila anak-anak mencapai umur remaja. Pengukuhan dari masyarakat menggalakkan tingkahlaku yang berbeza di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Seorang anak lelaki digalak dan diharapkan menambah serta menumpukan usahanya ke arah pencapaian kerjaya dengan menggunakan sepenuh keupayaan intelektual dan fizikal yang ada padanya. Sebaliknya anak-anak perempuan mendapati diri mereka berada dalam keadaan "double-bind" iaitu konflik di antara pencapaian dan peranan mengikut jantina yang telah ditetapkan (Horner dan Walsh 1974). Bagi wanita, pencapaian dalam pelajaran dan kerjaya bukanlah suatu yang disanjung tetapi dilihat sebagai suatu yang tidak cocok dengan sifat-sifat kewanitaan (Schaffer 1981). Implikasinya ada wanita yang dapat membuat penyesuaian dan ada pula yang tidak dapat. Bagi golongan yang pertama tadi, konflik yang dihadapi mungkin tidak melampau seperti yang dialami oleh wanita dari golongan kedua.

Berdasarkan penemuan-penemuan kajian, sebahagian besar wanita yang dikaji mengalami konflik oleh kerana "structurally imposed demands", "personal role conception" dan "role behaviour" seperti yang disebutkan oleh Levinson (1959). Wanita yang mengakui mengalami konflik berkata bahawa mereka mendapati agak sukar bagi mereka memenuhi tuntutan peranan yang telah ditentukan oleh masyarakat dari segi tingkahlaku yang wajar dan yang diharapkan daripada seorang yang menduduki status tertentu. Konflik begini biasanya berlaku bagi pasangan suami isteri yang bekerja. Si isteri misalnya menghadapi masalah berada didua tempat pada masa yang sama atau melaksanakan dua tugas pada masa yang sama. Tegasnya wanita itu menghadapi masalah semasa melaksanakan peranan sebagai pekerja dan peranan, sebagai isteri dan ibu. Masalah ini ada dijelaskan oleh responden-responden apabila mereka membuat kenyataan-kenyataan berikut:

"Saya tidak pasti sama ada perlu mengikut suami saya apabila dia ada tugas di luar daerah. Biasanya dia menghendaki saya mengikutnya bersama. Walaupun saya dapat mengambil cuti tapi saya mempunyai tugas-tugas di pejabat yang perlu saya ambil tindakan. Kadangkala saya terpaksa gantikan kerja saya kerana hendak bercuti dan mengikut suaminya saya. Adakalanya saya tidak dapat mengikutnya kerana kerja yang banyak." (responden R)

"Saya menghadapi masalah bila terpaksa ke luar negeri kerana urusan pekerjaan. Selalunya ibu atau ibu mertua saya tinggal bersama anak-anak dan suami saya." (responden Z)

“Biasanya saya menghadapi konflik sebagai ibu dan pekerja dan tidak sangat sebagai isteri. Adakalanya saya tidak boleh cuti walaupun anak saya sakit.”

(responden S)

“Saya tidak mempunyai pembantu rumah atau saudara mara lain yang tinggal bersama. Oleh itu saya menghadapi masalah untuk menyediakan penjagaan anak, terutamanya sewaktu lepas sekolah.”

(responden F)

Satu cara mengatasi konflik yang disebabkan oleh tuntutan peranan yang telah ditentukan oleh masyarakat ialah dengan membuat pendefinisan semula peranan berkenaan. Strategi ini hampir sama dengan konsep “role bargain” yang telah dikemukakan oleh Goode (1960). Satu pendekatan yang telah digunakan oleh responden-responden ialah menghadkan masa tertentu untuk peranan tertentu. Ini jelas kelihatan di dalam kenyataan-kenyataan berikut:

“Saya terlalu sibuk dengan pekerjaan. Oleh itu selepas masa pejabat, saya menyelesaikan urusan rumahtangga seperti menyediakan makan malam, memilih pakaian untuk dibasuh dengan mesin basuh. Setelah itu saya melayan anak-anak kerana seharian saya tinggalkan mereka pada penjaga. Sebab kesuntukan masa, kadang-kadang saya tidak mempunyai masa untuk membaca akhbar atau majalah apa lagi menumpukan perhatian kepada hobi yang sudah lama saya tinggalkan.

(responden K)

Satu lagi strategi yang digunakan oleh responden-responden bersama-sama dengan strategi pertama tadi ialah dengan cara mengagihkan tugas-tugas mereka kepada orang lain atau berkongsi tugas-tugas itu dengan orang lain. Rapoport and Rapoport (1976) telah menghuraikan bagaimana kaedah ini telah membuka jalan kepada pasangan suami isteri untuk bekerja di luar rumah. Tugas-tugas yang biasa diserahkan kepada orang lain atau dibuat bersama ialah membersihkan rumah, mencuci pakaian dan menjaga anak.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa urusan rumahtangga tidaklah begitu membebankan. Ini ialah kerana kerja rumah telah dikongsi dengan pembantu rumah dan responden sendiri. Umumanya, 37 peratus daripada responden menyatakan bahawa kerja-kerja mencuci pakaian dilakukan oleh pembantu rumah, sementara 18 peratus daripada responden memberitahu yang mereka melakukannya bersama-sama suami. Hakikat ini telah disebutkan oleh responden seperti berikut:

“Masalah yang saya hadapi tidaklah begitu berat kerana saya mempunyai pembantu rumah. Di samping itu juga saya menggunakan kemudahan-kemudahan peralatan moden seperti mesin basuh. Saya juga merencanakan jadual waktu untuk peranan tertentu.”

(responden Y)

Ada responden yang menyebut mereka dibantu oleh anak-anak seperti berikut:

“Saya mengadakan projek khas bersama anak-anak saya seperti menyuruh mereka mengemaskan bilik tidur mereka sendiri dan membersihkan rumah.”

(responden K)

Ataupun,

“Saya menganggap bahawa konflik peranan ini sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan ... proses penyesuaian mengambil masa yang lama dan memerlukan kerjasama dari suami. Kemudahan-kemudahan tambahan seperti “labour saving devices” memang menolǒng saya.”

(responden S)

Sementara yang lain menyebut

“Saya menghadapi masalah menyediakan penjagaan anak. Di tempat saya tinggal tidak ada institusi khas yang menyediakan pengasuhan untuk anak-anak. Apa yang ada ialah penjagaan oleh famili atau “family care”. Oleh kerana anak saya masih kecil dan tidak sesuai untuk tadika — saya terpaksa menghantar anak saya ke famili berkenaan sebelum saya pergi kerja dan mengambil selepas pejabat.”

(responden M)

Pola pembahagian tugas dalam rumahtangga di antara ahli-ahli dalam keluarga yang ditemui dari kajian yang telah dilakukan memperlihatkan persamaan dengan penemuan-penemuan dari kajian-kajian yang telah dilakukan di barat oleh Safilios-Rothschild (1970) dan Holmstorm (1972). Safilios-Rothschild berkata bahawa penyibaran peranan di antara suami dan isteri tidak penting jika isteri juga berpendapatan tinggi. Ini kerana pasangan itu lazimnya mampu mengupah orang lain untuk membuat kerja rumah. Holmstrom pula mendapati bahawa wanita profesional menerima sebahagian pertolongan daripada suami tetapi ramai yang bergantung kepada pembantu rumah.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan oleh responden jelaslah bahawa strategi lain yang diambil oleh responden ialah menggunakan kemudahan-kemudahan peralatan moden seperti mesin basuh, mengupah orang lain membersihkan halaman, membeli kueh muih dan makanan yang sudah siap, makan di restoran, membeli pakaian siap atau menghantar baju kepada tukang jahit. Dari data yang dikumpulkan, kira-kira 40 peratus responden-responden mengakui bahawa kerja mencuci pakaian telah diambilalih sama ada oleh pembantu rumah atau mesin basuh. Sementara itu, 21 peratus daripada responden telah mengupah orang lain untuk membersihkan halaman, dan 37 peratus responden menyebut bahawa mereka tidak membuat kueh muih sendiri tetapi sebaliknya membeli atau dibuat oleh pembantu rumah.

Konflik jenis kedua yang dialami oleh responden ialah yang berkaitan dengan konsepsi seseorang tentang peranan mana yang harus ditekankan. Tindakbalas kepada masalah ini ialah dengan cara mendefinisikan semula peranan “personal role redefinition”. Salah satu cara yang biasa digunakan untuk mengatasi konflik yang timbul kerana faktor itu ialah dengan mengaturnya prioriti di antara tugas-tugas mana yang harus dimainkan. Ini dijelaskan oleh responden yang berkata bahawa:

“Biasanya saya mengalami konflik sebagai ibu dan pekerja dan tidak sangat sebagai isteri. Adakalanya saya tidak boleh cuti walaupun anak saya sakit kuat. Bila ini berlaku saya terpaksa meminta bantuan suami saya untuk menjaga anak. Jika demam biasa sahaja,

saya tinggalkan anak saya kepada pembantu rumah, tetapi saya akan menalipon dari pejabat untuk mengambil tahu keadaan anak saya.”

(responden S)

Ada pula responden-responden yang menjelaskan dengan berkata,

“Saya tidak mempunyai pembantu rumah atau saudara mara lain yang tinggal bersama-sama. Oleh itu saya menghadapi masalah menyediakan penjagaan anak, terutamanya sewaktu lepas sekolah. Anak saya tinggal bersendirian selepas waktu sekolah. Untuk memastikan dia selamat saya sentiasa hubunginya melalui telefon.”

(responden F)

Satu lagi tindakbalas terhadap konflik yang timbul kerana tuntutan peranan adalah dengan cara mengambil pendirian bahawa konflik peranan merupakan suatu kenyataan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Oleh kerana itu apa yang dapat dibuat oleh seseorang yang menghadapi konflik ini ialah cuma berharap agar konflik akan berkurangan mengikut masa Maklumat yang didapati dari pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada responden-responden mengenai pembahagian peranan dalam rumahtangga, menunjukkan ramai di antara mereka yang mengambil pendekatan ini. Ada di antara mereka yang berkata,

“Saya membuat kerja rumah mengikut kemampuan dan prioriti. Membersih rumah dan mencuci pakaian tidaklah saya buat setiap hari. Saya tidak menggosok pakaian yang boleh dipakai terus tanpa digosok.”

(responden K)

Ada pula yang berkata,

“Pada hari-hari kerja, keadaan dalam rumah saya tidaklah tersusun rapi. Saya hanya mengemaskan rumah dan membersihkan habuk bila keadaan terlalu teruk atau pada hari minggu bila saya ada masa lapang.”

(responden R)

Strategi penyesuaian ketiga yang digunakan oleh wanita yang bekerja ialah “reactive role behaviour”. Cara ini mungkin boleh dilakukan dengan andaian bahawa tuntutan atau kehendak dari satu-satu peranan itu tidak dapat diubah. Individu berkenaan terpaksa mencari jalan untuk memenuhi peranan yang diharapkan. Cara yang kerap diutarakan oleh responden ialah, “merencana dan mengorganisasikan masa dengan lebih baik agar perlaksanaan peranan menjadi lebih cekap”. Salah satu cara yang dipersetujui umum oleh responden ialah, “pengurusan masa yang cekap”.

Berdasarkan penemuan-penemuan kajian jelas bahawa ketiga-tiga strategi penyesuaian yang diutarakan oleh Levinson itu telah digunakan oleh responden untuk mengatasi konflik peranan. Ketiga-tiga cara ini saling berhubungan dan bertindan lapis di antara satu sama lain.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Sebagai rumusan, kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa wanita yang dikaji menghadapi kesuntukan masa dalam melaksanakan peranan-

peranan sebagai isteri, ibu dan pekerja sekaligus. Sungguhpun begitu tidaklah bermakna bahawa konflik peranan yang mereka hadapi sangat serius dan meluas. Rata-ratanya mereka dapat menyediakan sistem sokongan untuk mengurang atau menghindarkan konflik daripada berpanjangan. Dalam melaksanakan peranan sebagai pekerja umpamanya, wanita yang dikaji cuba menentukan masa yang tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan profesion mereka. Mereka juga memastikan agar masa bekerja tidak melampaui masa yang diperlukan untuk famili. Selain dari wanita ini juga tidak membawa balik urusan pejabat ke rumah. Kemampuan mereka membuat penyesuaian itu juga ada hubungan rapat dengan taraf pendidikan mereka dan suami mereka. Suami mereka mempunyai pendidikan tinggi dan oleh itu mempunyai pandangan yang lebih terbuka tentang masalah dari pelbagai peranan yang dipegang oleh para isteri mereka. Selain dari itu pendapatan tinggi yang diperolehi oleh wanita ini memungkinkan mereka menyediakan "labour saving devices" atau membayar perkhidmatan pembantu rumah. Saiz keluarga wanita yang dikaji juga adalah kecil dan ini memudahkan mereka untuk menguruskan keluarga. Tidak kurang juga penting ialah hakikat bahawa wanita-wanita ini mempunyai ibu-ibu yang juga bekerja. Sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang responden,

"Ibu saya cergas dalam pekerjaannya sebagai guru besar dan setiausaha persatuan Perkumpulan Perempuan peringkat negeri, jadi saya sudah biasa dengan keadaan wanita bekerja ... saya tidak dibelenggu dengan suasana duduk di rumah dan menunggu suami pulang."
(responden N)

Oleh kerana kajian ini adalah kajian awalan dan data yang didapati adalah dari sampel yang kecil, maka sebarang penemuan yang didapati tidaklah dapat digunakan untuk membuat sebarang generalisasi. Kajian ini juga hanya melihat satu aspek konflik yang dialami oleh wanita yang bekerja, sedangkan konflik peranan yang dihadapi oleh wanita yang bekerja mempunyai hubungan secara langsung dengan angkubah-angkubah lain yang terdapat dalam kehidupan famili. Angkubah-angkubah itu ialah seperti suami, anak-anak bahkan juga para majikan mereka. Oleh yang demikian, satu kajian yang lebih menyeluruh berhubung dengan konflik peranan yang dialami oleh wanita terutamanya wanita yang bekerja, perlu juga mengambilkira angkubah-angkubah yang telah disebutkan itu. Walau bagaimanapun secara umum kajian ini diharapkan dapat membuka jalan kepada kajian-kajian yang selanjutnya dan juga dapat menambahkan pemahaman mengenai masalah wanita khususnya wanita Melayu profesional yang sudah berkeluarga.

BIBLIOGRAFI

- Abu Hassan Othman 1972. "Struktur famili dan tingkahlaku kekeluargaan di Selemak: Satu kajian kes, *Akademika*, No. 1, Julai, 15 - 41.
- Banton, M. 1965. *Roles*, London: Tavistock.

- Bott, E. 1957. *Family and Social Network*, London: Tavistock.
- Boserup, E. 1970. *Womens Role in Economic Development*, London Allen and Unwin.
- Epstein, C.F. 1970. *Woman's Place*. Berkeley: University of California Press.
- Fatimah Abdullah. 1982/3. *Wanita Melayu dan Pekerjaan Satu Analisis Konflik Peranan*. Tesis Sarjana Sastera, UKM.
- Goode, J.W. 1960. "The theory of role strain", *American Sociological Review*, 25.
- Hall, D.T. 1972. "A model for coping with role conflict: the role behaviour of collage educated women". *Administrative Science Quarterly*, 17.
- _____ and Hall, F.S. 1979. *The Two Career Couples*, Phillipines: Addison Wesley Publication.
- Holmstrom. L.L. 1972. *The Two Career Family*, Cambridge Mass: Sekenman.
- Horner, M.S. and Walsh, M.R. 1974. "Psychological Barriers to success in women" dalam Kundsins, R.B. *Women and Success*. New York: William Morrow Co.
- Jackson, J.A. (ed.) 1972. *Role*, Cambridge: Cambridge at the University Press.
- Linton, R. 1936. *The Study of Man*. New York: Appleton Century.
- Manderson, L. 1980. *Wanita Politik dan Perubahan*, K. Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mazidah Zakaria. 1890. "Sikap dan nilai masyarakat mengenai pergerakan wanita". *Dewan Budaya*, Ogos.
- Oakley, A. 1974. *Housewife*, London: Penguin Books.
- Rapoport, R. and Rapoport, R.N. 1976. *Dual Career Families Reexamined*, New York: Harper and Row.
- Roose, Hashinah 1965. "Changes in the position of Malay women" dalam Ward, B.E. *Women in the New Asia*, UNESCO.
- Safilios-Rothschild, C. 1972. *Towards a Sociology of Women*, Lexington Mass: Xerox.
- Spurier, P. dan Reeves, J. 1979. "The economics of working wife: a sex role interpretation", *Sociological Forum*. 2, 1.
- Strange, H. 1978. "Education and employment patterns of rural Malay women 1965 - 1975". *Journal of Asian and African Studies* XII, 1 - 2.
- _____ 1981. *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger.
- Sweet, J.A. 1973. *Women in the Labor Force*. New York: Seminar Press.
- Swift, M.G. 1963. "Man and women in Malay society" dalam Ward, B.E. *Women in the New Asia*, UNESCO.
- Swif, M.G. 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*, New York: Athlone Press.
- Vender Zander, J.W. 1979. *Sociology*, (4th ed.) New York: John Wiley and Sons.
- Wilson, P.J. 1967. *A Malay Village and Malaysia*, New Haven: Harf Press:

